



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
Email :kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 13/2013 ( 24 hingga 30 Mac 2013)

Bagi tempoh 24 hingga 30 Mac 2013, sejumlah 440 kes demam denggi telah dilaporkan berbanding 495 kes pada minggu sebelumnya. Dalam tempoh tersebut juga, tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Johor 9 kes (19%), P.Pinang 6 kes (60%), Terengganu 4 kes (200%), Perlis 4 kes (400%), Kedah 3 kes (23%), Melaka 2 kes (25%) dan Negeri sembilan 1 kes (13%) (Lampiran A). Jumlah kumulatif kes denggi dilaporkan adalah 6,157, berbanding 6,607 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012, penurunan sebanyak 6.8%. Jumlah kes kematian akibat denggi kekal sebanyak 14 kematian berbanding 17 kematian dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sejumlah 77 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dengan 48 lokaliti baru diisytiharkan dalam minggu ke-13, iaitu 32 lokaliti di Selangor, 7 lokaliti di Johor, 3 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 2 lokaliti di Perak dan masing-masing 1 lokaliti di Perlis, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Sarawak. Aktiviti gotong-royong di kesemua lokaliti wabak ini perlu dipertingkatkan supaya jangkitan denggi tidak menular ke lokaliti berhampiran yang lain. Jangkitan denggi

menjadi sukar dikawal kerana kurangnya kerjasama masyarakat dalam memastikan persekitaran mereka bersih dan tiada pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat pembiakan Aedes di rumah jiran yang berhampiran, anda masih berisiko untuk mendapat jangkitan denggi, walau pun di rumah anda sendiri tiada pembiakan. Ini adalah kerana nyamuk Aedes dewasa boleh terbang sejauh 200 meter dari tempat ianya membiak. Oleh itu tindakan masyarakat setempat amat penting untuk memastikan tiada sumber atau pembiakan Aedes di kawasan kediaman mereka. Tanggungjawab ini perlu dipikul bersama kerana nyamuk tidak mengenal mangsa dan boleh menyebarkan Virus Denggi kepada sesiapa saja.

Pemantauan 4 jenis serotype virus denggi (Serotype 1, 2, 3 & 4) oleh KKM telah menunjukkan berlakunya pertukaran tren prevelen serotype sejak tahun lepas. Pada awal tahun 2012 jenis serotype tertinggi adalah DEN 3 (50%) namun pada tahun 2013 didapati jenis serotaip yang tertinggi berubah kepada serotype DEN 4 (51%). Pertukaran tren serotype ini akan meningkatkan risiko penularan kes denggi dalam masyarakat terutamanya di negeri Kelantan dan Pulau Pinang yang menunjukkan pertukaran serotype DEN 4 pada tahun ini sebanyak 66% dan 68% masing-masing.

Dari pemantauan KKM, terdapat 335 sekolah daripada 3,969 sekolah yang diperiksa (8.44%) mempunyai pembiakan Aedes. Oleh itu, memandangkan sekolah baru memulakan sesi pembelajaran serta ramai murid-murid kembali ke sekolah, maka pihak sekolah diseru membersihkan kawasan persekitaran sekolah. Pastikan tiada pembiakan Aedes yang boleh menyebabkan jangkitan penyakit Denggi dikalangan murid-murid.

Mesyuarat Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah perlu mempergiatkan aktiviti yang berfokuskan kepada masalah yang spesifik kepada lokaliti masalah denggi selain memperkukuhkan kerjasama di antara agensi bersama komuniti setempat. Projek COMBI contohnya, disarankan supaya ditubuhkan di mana-mana lokaliti yang dirasakan sesuai (yang akan mendapat kerjasama dan komitmen penduduk) sebagai salah satu usaha untuk membendung pertambahan kes dan lokaliti wabak baru di negeri tersebut.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

1 April 2013

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 13/2013  
(24 hingga 30 Mac 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 13/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 13/2012
		Minggu 13 (24 - 30 Mac 2013)	Minggu 12 (17 - 23 Mac 2013)		
1	Perlis	4	0	39	57
2	Kedah	16	13	187 (1)	186 (1)
3	P. Pinang	16	10	189	238 (1)
4	Perak	34	50	519	467 (1)
5	Selangor	192	226	2,671 (1)	2,978 (9)
6	WPKL & Putrajaya	33	56	448 (3)	689 (3)
7	N. Sembilan	9	8	114	110 (1)
8	Melaka	10	8	128	198
9	Johor	57	48	573 (6)	425
10	Pahang	6	7	152	197
11	Terengganu	6	2	54	263
12	Kelantan	26	32	347	396
13	Sarawak	20	21	519 (2)	270
14	Sabah	11	14	217 (1)	128 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	5
	<b>Jumlah</b>	<b>440</b>	<b>495</b>	<b>6,157 (14)</b>	<b>6,607 (17)</b>

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.